

18 FEB 2002

POLIS SIASAT KHATIB BACA KHUTBAH BERUNSUR FITNAH

KUALA TERENGGANU, 18 Feb (Bernama) -- Polis akan menyiasat laporan berhubung seorang khatib di Masjid Raja, Bukit Besar di sini yang didakwa menyampaikan khutbah Jumaat berunsur fitnah terhadap pemimpin negara di bawah Akta Hasutan 1948.

Ketua Polis Terengganu SAC I Othman Talib berkata polis memerlukan kerjasama daripada orang awam bagi mengambil keterangan mereka yang hadir pada solat Jumaat lepas di masjid itu untuk siasatan terperinci.

"Polis memerlukan keterangan yang jelas mengenai perkataan yang dikeluarkan oleh khatib berkenaan dan kita minta orang awam tampil memberi keterangan dalam hal ini untuk membantu siasatan," katanya selepas menyampaikan anugerah khidmat cemerlang kepada 44 kakitangan awam, anggota dan pegawai pada perhimpunan bulanan di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita apabila ditanya perkembangan laporan polis Timbalan Ketua Bahagian Umno Kuala Terengganu Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh pada Sabtu lepas bahawa seorang khatib di Masjid Raja didakwa menyampaikan khutbah Jumaat berunsur fitnah.

Wan Farid berkata walaupun khatib itu tidak menyebut nama pemimpin negara tetapi ia jelas ditujukan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menyamakan Perdana Menteri dengan penulis buku Satanic Verses Salman Rushdie yang dikatakan menghina Nabi Muhammad.

Laporan polis itu menyebut ketika khutbah disampaikan, khatib berkenaan tidak mengikut teks yang disediakan sebaliknya isi kandungan khutbah menyebut bahawa seorang pemimpin Malaysia, yang baru-baru ini berucap pada Forum Ekonomi Dunia di New York, kononnya telah menghina ulama.

-- BERNAMA
TAJ MRA NAK